

# Malaysia tetap teruskan cari gali minyak, gas di wilayah negara

Anwar tegaskan operasi di Laut China Selatan tak langgar sempadan perairan

Daripada  
Zuraimi Abdullah

di Vladivostok  
(Russia)



Malaysia tidak akan menghentikan penerokaan minyak dan gas di kawasan berpotensi di Laut China Selatan selagi ia terletak dalam wilayah negara, walaupun terdapat bantahan oleh China yang mendakwa aktiviti berkenaan berhampiran Sarawak, melanggar sempadan yang dibenarkan.

Menegaskan demikian, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menegaskan operasi itu dijalankan dalam kawasan Malaysia dan tiada sebab untuk mana-mana pihak melakukan tindakan provokatif terhadap China.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia terbuka untuk perbincangan dan menjelaskan kedudukan negara.

"Mengenai kawasan yang dibantah oleh China, ini adalah kawasan kita, di perairan kita, tetapi kita terbuka untuk berbincang. Kita mungkin memberikan respons kepada China, jelaskan kedudukan kita, tetapi kita tidak melakukan tindakan provokatif.

"Kita perlu teruskan penerokaan di perairan kita dan men-

jaga kelebihan kita, termasuk operasi penerokaan di kawasan kita sendiri. Beijing menghantar nota bantahan kerana mereka menganggap itu kawasan mereka.

"Tetapi kita perlu meneruskan operasi ini kerana ia berkaitan dengan kelangsungan ekonomi kita," katanya pada sidang media bersama wartawan Malaysia semalam sempena lawatan kerja dua harinya ke sini untuk menghadiri Forum Ekonomi Timur Kesembilan (EEF 2024).

Perdana Menteri menegaskan, Malaysia mempunyai dasar dan prinsip tegas untuk tidak menceroob wilayah negara lain.

"Mereka (China) tahu kedudukan kita. Mereka mendakwa kita telah menceroob kawasan mereka, kita kata tidak, itu kawasan kita, tapi jika mereka terus tidak berpuas hati, maka baiklah, kita akan mendengar dan mereka juga perlu bersedia mendengar," tambahnya.

## Kebocoran nota diplomatik

Terdahulu, media melaporkan kebocoran nota diplomatik yang dihantar Beijing kepada Malaysia, membantah operasi PETRONAS di kawasan perairan berhampiran Sarawak yang didakwa melanggar sempadan perairan yang dibenarkan.

Laporan terbabit diterbitkan oleh media Filipina, merujuk aktiviti penerokaan minyak dan gas Malaysia berhampiran terumbu karang Luconia Shoals atau Luconia Reefs, kawasan yang dirujuk Malaysia sebagai Gugusan Beting Raja Jarum dan 'Nankang Ansha' serta 'Beikang Ansha' oleh China.

Kawasan terumbu karang berkenaan terletak hanya 100 kilometer (km) dari Sarawak dan hampir 2,000km dari daratan terdekat China.

Wisma Putra dalam satu ke-

Adalah garisan di atas peta yang menunjukkan wilayah Laut China Selatan yang berkeluasan kira-kira dua juta kilometer persegi dengan 90 peratus kawasan itu dituntut oleh China sebagai sempadan maritim negara terbabit.

Tuntutan itu tidak diperakui di peringkat antarabangsa kerana penentuan kedudukan garis itu dibuat secara sebelah pihak oleh China tanpa melalui perundingan mengikut Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Undang-Undang Laut (UNCLOS). Kedudukannya pula adalah 2,000 kilometer dari tanah besar China.


Kawasan yang ditanda dalam garis putus itu meliputi Kepulauan Paracel, Kepulauan Spratly, Pulau Pratas dan Vereker Banks, Macclesfield Bank dan Scarborough Shoal.

Tuntutan China ke atas wilayah laut itu mencetuskan pertembungan membawa kepada tuntutan bertindih

nyataan kelmarin, memaklumkan kebocoran maklumat itu akan disiasat kerana ia membatikan kerahsiaan dan kedaulatan negara.

China dari semasa ke semasa menggunakan alasan sejarah melalui apa yang dipanggil peta 'Nine dash line', mendakwa sebahagian besar Laut China Selatan adalah miliknya.

Tuntutan itu bagaimanapun tidak diiktiraf Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Amerika Syarikat yang memang



dengan negara serantau seperti Filipina, Malaysia, Vietnam, Brunei Darussalam dan Indonesia.

Mengikut UNCLOS, Malaysia boleh menuntut sehingga lebih 200 batu nautika. Antara kawasan terbabit dalam tuntutan bertindih ialah Beting Patinggi Ali, terletak pada

kedudukan 84 batu nautika atau 155 kilometer dari Pantai Miri, Sarawak serta berada dalam Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia.

Sekurang-kurangnya empat platform cari gali minyak dan gas milik syarikat Malaysia beroperasi di sana.

memantau rapat pergerakan China di perairan terbabit sehingga menggelar perbuatan republik itu sebagai penjajahan haram.

Mahkamah Tribunal Timbang Tara Tetap yang berpangkalan di The Hague pada 2016, memutuskan peta 'Nine dash line' sebagai tidak sah. Namun, negara kuasa besar dunia itu dilaporkan tetap agresif dalam tuntutan mereka sehingga sering mencabar kedaulatan negara lain.

Sejak 2014, China dilihat mula membina sekurang-kurangnya

tujuh pulau buatan di sekitar Laut China Selatan, termasuk berdekatan kepulauan Spratly yang dituntut Malaysia, sebagai pangkalan tentera mereka.

Tuntutan China termasuk Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) dikongsi Malaysia, Filipina, Brunei, Taiwan dan Vietnam. Di bawah undang-undang antarabangsa, EEZ tidak menandakan kedaulatan sesebuah negara, tetapi memberi hak kepada negara itu untuk mengeluarkan hasil dalam zon berkenaan.